

Headline	TIGA NILAI TERAS UTAMA		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	05 Oct 2019	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Supplement	Color	Full Color
Page No	26	ArticleSize	408 cm ²
Journalist	N/A	PR Value	RM 25,949



TIGA NILAI TERAS UTAMA pacu kejayaan SunCon



Berpegang kepada tiga nilai teras utama iaitu integriti, kerendahan dan kecermerlangan, Sunway Construction Snd Bhd (SunCon) terus mengelakpi kejayaan dalam industri pembinaan.

Terbaru, syarikat itu terpilih menerima Contractor of the Year Award (Anugerah Kontraktor Terbaik 2019) bagi Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan Malaysia (MCIEA) 2019 anjuran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) yang bertujuan mengiktiraf sumbangan pemain industri pembinaan di negara ini.

Pengarah Urusannya, Chung Soo Kiong berkata, pihaknya berterima kasih kepada pasukan, pelanggan dan pemegang syarikat.

atas kepercayaan serta keyakinan terhadap syarikat itu.

"Sokongan merekalah yang membolehkan SunCon menerima Builder of the Year Award pada 2003, 2005, 2013 dan Contractor of the Year Award pada tahun ini," katanya kepada Sinar Harian.

Menurutnya, SunCon akan terus berusaha untuk terus mengekalkan kecermerlangan dalam mengendalikan semua projeknya, di samping mengekalkan kualiti dan memberikan nilai kepada pelanggan selain menyumbang kepada pembangunan serta perkembangan negara.

Soo Kiong berkata, syarikatnya telah mengambil alih banyak projek yang mencabar dalam pelbagai saiz dan kerumitan selama bertahun-tahun.

Katanya, antara projek yang berjaya disiapkan pada 2018 ialah Sekolah Antarabangsa Kuala Lumpur (SKL) yang merupakan sekolah pertama di negara ini yang dibina dan menepati akreditasi akreditasi platinum bangunan hijau tempatan dan antarabangsa, iaitu Green Building Index (GBI).

"Bangunan ini mempunyai ciri-ciri canggih yang mengetengahkan kecekapan tenaga dan meminimumkan jejak karbon serta telah menetapkan penanda aras untuk amalan pembinaan mapan dalam projek-projek akan datang," katanya.

Beliau berkata, kejayaan menyelesaikan projek itu dengan keperluan yang ketat dan teknikal mencerminkan keupayaan SunCon sebagai pembina yang terintegrasi sepenuhnya dan mapan.

"Kumpulan kami yang mempunyai tenaga mahir profesional yang menepati akreditasi GBI dan Leadership in Energy and Environmental Design (LEED) memastikan strategi hijau dan mapan telah diperbadankan sepanjang projek dilaksanakan."

"Daripada produk mesra

alam daripada sumber tempatan, pelaksanaan sistem penyaman udara yang cekap tenaga dan mengasingkan bahan buangan pembinaan untuk mengurangkan impak tapak pelupusan sampah, antara lain, proses pembinaan merangkumi pendekatan yang mapan dari awal hingga akhir.

"Oleh kerana kelestarian

adalah sebahagian daripada strategi korporat kami, SunCon akan terus mengamalkan amalan terbaik untuk mengawal dan meminimumkan kesan terhadap alam sekitar dalam projek kami," katanya.

Soo Kiong berkata, sebagai sebahagian daripada Kumpulan Sunway, SunCon berhasrat untuk terus memperbaiki kualiti produk dan perkhidmatan melalui penambahbaikan berterusan sebagai tindak balas kepada maklum balas pelanggan.

Katanya, syarikat itu juga menetapkan sasaran untuk projeknya untuk mencapai skor QLASSIC, lebih tinggi daripada purata industri.

Berkongsi pandangannya mengenai industri pembinaan tempatan, beliau berkata, sentiman dilihat lebih baik dalam sektor pembinaan negara dengan beberapa aliran berita positif baru-baru ini.

"Kami terus optimis bahawa sektor ini akan bertambah baik untuk menyokong pembangunan negara pada tahun-tahun akan datang," katanya.

